

11 JAN 2002

Mahathir-Usahawan

MAHATHIR MINTA USAHAWAN MELAYU KAJI DAN ATASI KELEMAHAN

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata usahawan Melayu perlu membuat analisis mengenai kelemahan mereka dan berusaha mengatasinya termasuk dengan menerapkan nilai-nilai atau budaya yang boleh memastikan kejayaan mereka.

Katanya mereka juga perlu pandai menggunakan segala peluang perniagaan dan pelbagai dana yang disediakan untuk memulakan perniagaan.

Selain mempunyai sifat sabar, Perdana Menteri berkata mereka harus mempunyai sedikit sebanyak pengalaman terlebih dahulu sebelum menceburi bidang perniagaan.

"Kalau belum ada pengalaman, bekerja dulu dan perhatikan selok belok menjalankan perniagaan," katanya ketika melancarkan Dewan Muda, iaitu sayap Dewan Perdagangan dan Perniagaan Melayu Malaysia (DPPMM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata banyak perniagaan Melayu terpaksa ditutup kerana dikatakan kehabisan modal tetapi sebenarnya, kata beliau, seseorang itu perlu tahu memilih perniagaan supaya sesuai dengan modal yang diperuntukkan mereka dan berdisiplin dalam menjalankan perniagaan.

Menurutnya, satu hakikat yang perlu diakui ialah negara ini mempunyai dasar yang mengutamakan golongan Bumiputera tetapi selepas lebih 40 tahun merdeka, bangsa-bangsa lain di Malaysia nampaknya lebih berjaya.

Dr Mahathir berkata antara perkara yang mungkin menjurus kepada keadaan ini ialah budaya orang Melayu yang tidak mementingkan aspek pendidikan dan penguasaan ilmu.

"Pencapaian kita masih lemah, tidak sejajar dengan usaha, peluang dan kemudahan yang diberikan...Walaupun kini ada 24 juta rakyat Malaysia, bilangan orang Melayu yang terpelajar amat kurang berbanding kaum Cina dan India," katanya.

Beliau meminta orang Melayu khususnya pelajar lelaki memperbetulkan sikap dengan menunjukkan minat terhadap pelajaran dan sekaligus memperbaiki situasi terdapatnya lebih banyak penuntut wanita di institusi pengajian tinggi tempatan sekarang.

Perdana Menteri juga berkata ada yang membuat tuduhan bahawa orang Cina lebih berjaya kerana mereka menipu tetapi ini bukanlah hakikat sebenarnya.

Menurut beliau, bangsa Cina mengamalkan pendekatan yang menyumbang kepada kejayaan mereka seperti rajin berusaha dan bekerja.

Terdahulu, Azlan Shah Jaffril, Pengerusi Dewan Muda dalam ucapannya berkata penubuhan badan itu ialah bagi mewujudkan satu mekanisme berkesan untuk melahirkan lebih banyak usahawan muda Melayu.

Ia bukanlah tempat memudahkan golongan itu mendapatkan kontrak.

Sebaliknya, Dewan Muda akan membantu mereka mengadakan "perangkaian" dan berusaha menyenangkan hubungan dengan pegawai kerajaan berkenaan untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Ia juga akan menyebarkan maklumat berhubung lebih 30 dana yang telah ditubuhkan bagi membantu usahawan muda serta mengadakan program ilmu untuk menerangkan isu semasa dalam dunia perniagaan tempatan dan global.

Penubuhan dewan itu diilhamkan oleh Presiden DPPMM Datuk Seri Abdul Rahman Maidin dan keanggotaannya terbuka kepada usahawan lelaki Melayu berumur antara 18 dan 35 tahun.

-- BERNAMA

MAM AZZ PR